

NO. SOALAN : 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING  
CHAI YEW [SIBU]**

**TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)**

**SOALAN : 36**

**YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta PERDANA MENTERI menyatakan projek PR1MA yang akan dibina di Sibu dan nyatakan jumlah unit akan dibina, harga dan lokasinya. Siapakah pemaju projek itu. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya rumah yang dibina ini bermutu tinggi.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga kini, Anggota Perbadanan PR1MA (Ahli Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 1,096 unit kediaman PR1MA di kawasan Sibul dan kesemuanya masih lagi berada dalam proses perancangan.

Selain Sibul, lokasi pembangunan PR1MA di Negeri Sarawak yang lain adalah di kawasan Santubong, Petrajaya, Mambong, Bintulu, Bandar Kuching, Kota Samarahan, Stampin, Miri dan Serian. Secara keseluruhannya sebanyak 17,911 unit kediaman PR1MA telah diluluskan di Negeri Sarawak. Daripada jumlah ini, sebanyak 6,868 unit kediaman sedang dalam pembinaan manakala jumlah selebihnya berada dalam perancangan.

Harga kediaman PR1MA secara amnya adalah antara RM100,000 – RM400,000 seunit mengikut jenis dan lokasi. Harga ini secara purata 20% lebih rendah berbanding harga rumah di pasaran yang mempunyai spesifikasi dan kawasan yang sama.

Berkenaan kawalan kualiti kediaman pula, PR1MA sentiasa meneliti dan mengkaji secara terperinci setiap cadangan projek oleh pemaju. Setiap cadangan projek perlu menepati garis panduan lengkap yang dikeluarkan

PR1MA. Garis panduan yang perlu dipatuhi pemaju adalah meliputi perancangan dan polisi, piawaian struktur binaan, kejuruteraan bangunan, spesifikasi bahan binaan, reka bentuk dan penyelenggaraan landskap serta lain-lain lagi.

Selain itu, PR1MA juga mempunyai pasukan yang memantau kualiti, keselamatan, kesihatan dan persekitaran (*quality, health, safety & environment* – QHSE). Antara kaedah pemantauan yang dilaksanakan adalah melalui Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan (QLASSIC). Sistem penilaian ini menilai piawai tahap mutu hasil kerja pembinaan oleh pemaju. Insyallah PR1MA akan memastikan pemaju menepati garis panduan yang ditetapkan khususnya mutu dan kualiti kediaman.

Sekian. Terima kasih.